KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	28/8/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	PERHILITAN			

Kosmo, 28 Ogos 2021_11

Disangka babi, rupanya harimau

BENTONG – Seorang lelaki tidak menyangka bau hamis yang disangka babi tunggal di kebun getahnya selama seminggu rupa-rupanya seekor harimau kumbang.

Rosli Mohamad Hashim, 56, berkata, dia amat terkejut apabila 'bertembung' seekor harimau kumbang dewasa ketika ke kebun getahnya di Ulu Tembah sini, kira-kira pukul 8 pagi semalam.

"Semasa masuk ke pintu pagar kebun menaiki motosikal saya ternampak seekor harimau kumbang yang berbunyi dan memandang saya sebelum haiwan berkenaan melarikan diri.

"Saya sememangnya mengesyaki ada sesuatu di kebun kerana dalam seminggu ini tiada kera bermain di pokok seperti sebelum ini," katanya yang tinggal di Benus dekat sini semalam.

Rosli yang merupakan seorang pesara tentera memberitahu, harimau kumbang itu berwarna hitam dengan ketinggian sehingga paras pinggang orang dewasa.

Katanya, dia bersyukur haiwan liar berkenaan hanya berbunyi dan tidak bertindak menyerangnya semasa kejadian.

"Saya memang dimaklumkan terdapat harimau kumbang di kawasan ini, tetapi ini kali pertama saya bertembung dengan haiwan berkenaan di kebun," katanya.

Atas faktor keselamatan, Rosli telah memaklumkan kejadian kepada ketua kampung yang telah membuat laporan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan).

"Pada masa ini saya bercuti dahulu daripada menoreh agar haiwan berkenaan pergi jauh atau berjaya ditangkap oleh Perhilitan," katanya.



ROSLI (dua dari kiri) menunjukkan lokasi dia bertembung dengan seekor harimau kumbang di kebun getahnya di Ulu Tembah, Bentong semalam.